



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN



KUPASAN MUTU JAWAPAN

Sijil Pelajaran Malaysia 2025



SEJARAH
Kertas 2
1249/2

1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran:	1249/2
Bentuk Ujian:	Ujian Subjektif
Markah Penuh:	100 Markah
Masa:	2 Jam 30 Minit

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 2 mengandungi dua bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A: Mengandungi 4 soalan struktur.
Semua soalan wajib dijawab.
10 markah diperuntukkan untuk setiap soalan.

Bahagian B: Mengandungi 5 soalan esei.
Calon perlu menjawab 3 soalan sahaja.
20 markah diperuntukkan untuk setiap soalan

2.0 PRESTASI CALON

2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Secara keseluruhannya, calon boleh menjawab soalan Bahagian A dan Bahagian B dengan baik. Calon dapat mengemukakan jawapan berdasarkan kehendak tugas terutamanya soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Namun, masih terdapat calon yang kurang menguasai fakta dan kemahiran menjawab soalan.

2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat menyatakan fakta dengan tepat berserta huraian yang sesuai. Bagi soalan KBAT, calon berupaya memberi respons yang sesuai dengan kehendak soalan. Calon juga berupaya menjawab soalan menggunakan laras bahasa yang baik.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon mampu menjawab sebahagian daripada kehendak tugas. Ramai calon cenderung menjawab berdasarkan pemikiran logik akal tanpa menghubungkan kait dengan kehendak soalan terutamanya bagi soalan KBAT. Selain itu, huraian yang diberikan adalah terhad dan kurang mendalam, menyebabkan jawapan tidak memenuhi soalan secara menyeluruh

2.1 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Soalan 1 (a)

Rajah berikut berkaitan dengan ciri-ciri negara bangsa Alam Melayu.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Raja• Rakyat• X• Y |
|---|

(a) Apakah **X** dan **Y**?

Calon perlu menyenaraikan **X** dan **Y** yang merupakan ciri-ciri negara bangsa Alam Melayu.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

X ..Undang-undang.....

Y ..Wilayah...pengaruh.....✓

Calon berjaya menyatakan **dua** ciri negara bangsa Alam Melayu.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

XPerundangan.....✓

YSempadan.....

Calon dapat menyatakan **satu** ciri negara bangsa Alam Melayu.

Soalan 1 (b)

Mengapakah raja penting dalam kerajaan Alam Melayu?

Calon perlu menjelaskan kepentingan raja dalam kerajaan Alam Melayu.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Raja penting dalam kerajaan Alam Melayu kerana raja merupakan tonggak utama kerajaan. Selain itu, raja juga dibantu dalam pentadbiran oleh pembesar. Setemunya, sebagai contoh, raja Champa dianggap suci dan dikaitkan dengan Dewa Iva.

Calon menjelaskan kepentingan raja dalam kerajaan Alam Melayu dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Raja penting dalam kerajaan Alam Melayu kerana raja merupakan tonggak utama kerajaan. Selain itu, raja akan memelihara keamanan negara. Seterusnya, rakyat sentiasa di bawah naungan raja.

Calon hanya menjelaskan **dua** kepentingan raja dalam kerajaan Alam Melayu.

Soalan 1 (c)

Teliti petikan akhbar berikut.

Jangan Biar Perbuatan Hina, Perlekeh Institusi Diraja Diteruskan.

KUALA LUMPUR: Isu memperlekeh institusi diraja kelihatan semakin menjadi-jadi pada masa ini terutamanya di media sosial dengan menjadikan kebebasan sebagai alasan.

Sumber: Sinar Harian, 4 Jun 2021

Jelaskan kesan kepada negara jika perbuatan tersebut dibiarkan.

Calon perlu menjelaskan kesan jika perbuatan memperlekeh institusi diraja dibiarkan dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Jika isu ini berterusan, perbuatan ini akan semakin kerap dilakukan. Institusi diraja akan semakin dipandang rendah dan semakin banyak diperlekehkan. Hubungan antara rakyat dengan raja menjadi goyah. Negara akan menjadi tidak harmoni dan goyah. Negara menjadi tidak aman kerana terdapat penghinaan kepada institusi diraja. Negara juga akan menjadi huru kacir apabila rakyat tiada rasa hormat lagi kepada raja.

Calon menjelaskan kesan sekiranya perbuatan memperlekeh institusi diraja dibiarkan dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Petikan berikut tentang isu memperlekehkan institusi diraja kelihatan semakin menjadi-jadi. Kesan kepada negara ialah akan berakutanya perbalahan antara pemimpin dan rakyat. Selain itu, isu tersebut menjadi-jadi di media sosial dengan menjadikan kebebasan sebagai alasan. Kesan yang akan berlaku ialah berakutanya diskriminasi antara rakyat tentang institusi diraja. Hal ini akan menyebabkan pecah belah kaum.

Calon hanya menjelaskan tiga kesan sekiranya perbuatan memperlekeh institusi diraja dibiarkan.

Soalan 2 (a)

Penubuhan Jawatankuasa Kerja pada 25 Julai 1946 bertujuan untuk membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- (a) Siapakah **dua** wakil dalam Jawatankuasa Kerja tersebut?
- (i) Wakil UMNO:
- (ii) Wakil Raja-raja Melayu:

Calon perlu menyatakan **dua** wakil dalam Jawatankuasa Kerja.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (i) Wakil UMNO: Dato' Onn Jaafar ✓
- (ii) Wakil Raja-raja Melayu: Dato' Nik Ahmad Kam ✓

Calon dapat menyatakan **dua** wakil dalam Jawatankuasa Kerja.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

- (i) Wakil UMNO: Dato' Onn Jaafar ✓
- (ii) Wakil Raja-raja Melayu: Tunku Abdul Rahman

Calon hanya menyatakan **satu** wakil dalam Jawatankuasa Kerja.

Soalan 2 (b)

Jelaskan cadangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja tersebut.

Calon dikehendaki menjelaskan cadangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Cadangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja tersebut

ialah syarat kewarganegaraan diketatkan.✓

Cadangan ini yang seterusnya ialah menjaga kedudukan istimewa✓,

orang Melayu dan kepentingan sah✓kaum lain- Cadangan lain pula ialah

meminta kuasa Raja - Raja✓Melayu dikembalikan.

Calon menjelaskan cadangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Cadangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja termasuklah

mengembali kedudukan✓raja-raja Melayu. Selain itu, Jawatankuasa Kerja

cadangan menjaga kedudukan istimewa✓orang

melayu.

Calon hanya menjelaskan **dua** cadangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja.

Soalan 2 (c)

Lirik lagu berikut boleh dikaitkan dengan kesungguhan rakyat menolak Malayan Union dan menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Nyalakan Tekad
Nyalakan tekad di hujung cita
Sama muafakat ke puncak jaya
Sembah setia sepenuh jiwa
Untuk nusa dan negara

Karya: Datuk Ibrahim Chik

Beri ulasan anda.

Calon dikehendaki mengulas kesungguhan rakyat menolak Malayan Union dan menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 berdasarkan lirik lagu yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Rakyat saling bermuafakat✓ untuk menolak Malayan Union.
Rakyat bersatu-padu✓ menentang kuasa mutlak British. Selain
itu, rakyat juga setia✓ dengan raja-raja dan tidak
menderhaka. Rakyat menyokong✓ Persekutuan Tanah
Melayu 1948 kerana menjamin kedudukan raja-raja Melayu.
Rakyat bertekad✓ untuk memastikan hak dan
kepentingan mereka terpelihara.

Calon mengulas lirik lagu dan boleh mengaitkannya dengan kesungguhan rakyat menolak Malayan Union serta menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Lirik lagu ini membincangkan tentang rakyat menolak ~~Malayan~~ Union dan menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Lagu ini juga memberiam semangat untuk mendapatkan hak ~~yang~~ mereka mahukan.

Calon mengulas lirik lagu dan mengaitkannya dengan kesungguhan rakyat menolak Malayan Union serta menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 tetapi hanya mengemukakan dua isi sahaja.

Soalan 3 (a)

Nyatakan **dua** jenis kedaulatan yang membentuk pemerintahan sesebuah negara.

Calon perlu menyenaraikan **dua** jenis kedaulatan yang membentuk pemerintahan sesebuah negara.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (i) Kedaulatan Moden ✓
- (ii) Kedaulatan Tradisional ✓
- (iii) Kedaulatan Antarabangsa ✓
- (iv) Kedaulatan Undang-Undang ✓

Calon menyenaraikan **tiga** jenis kedaulatan yang membentuk pemerintahan sesebuah negara dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

- (i) Kedaulatan dari segi undang-undang ✓
- (ii) Mempunyai raja

Calon hanya menyenaraikan **satu** jenis kedaulatan.

Soalan 3 (b)

Jelaskan jenis kedaulatan di 3(a).

Calon dikehendaki menjelaskan jenis kedaulatan di 3(a).

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Dari segi kedaulatan moden, amalan demokrasi diamalkan.✓
Buktinga, pilihan raya diadakan. Dari segi kedaulatan tradisional,
raja✓berkuasa dalam pemerintahan. Rakyat menumpahkan
taat✓serta kepada raja. Kedaulatan antarabangsa, diiktiraf
oleh PBB✓ Negara lain tidak boleh masuk campur✓
urusan pentadbiran. Buktinga, kedaulatan di iktiraf di PBB.

Calon menjelaskan jenis kedaulatan dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Kedaulatan modern tertuju kepada Amalan✓Demokrasi.
Seterusnya, amalan demokrasi boleh dilihat pada pilihan
raya umum yang diadakan 5 tahun sekali.
Selain itu, kedaulatan tradisional ialah raja✓sebagai
pemerintah. Seterusnya, Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua
utama negara.

Calon hanya menjelaskan **dua** isi sahaja.

Soalan 3 (c)

"Kedaulatan negara bergantung kepada warganya yang bersatu."

Sumber: Titah DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
5 November, 2017

Ulasakan.

Calon perlu mengulas berkaitan kedaulatan negara yang bergantung kepada warganya yang bersatu.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Dengan adanya warganegara yang bersatu, kedaulatan negara dapat dijamin. ✓ Buktingya, nilai perpaduan ✓ antara kaum diamalkan sejak bangku sekolah. Perkara ini memupuk rakyat agar bekerjasama ✓ dalam pelbagai aspek. Oleh itu, negara menjadi aman ✓ dan harmoni ✓. Negara luar juga akan mencontohi ✓ negara kita kerana rakyat hidup secara aman walaupun pelbagai kaum. Contohnya, India, China, Melayu, Kadazandusun dan Iban. ✓

Calon mengulas dengan lengkap kedaulatan negara yang bergantung kepada warganya yang bersatu.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Pada pendapat saya, kedaulatan negara bergantung kepada warganya yang bersatu kerana salah satu faktor terpenting dalam membawa kedaulatan dalam sebuah negara ialah perpaduan ✓ antara masyarakat dan sikap toleransi ✓, serta tolok ansur.

Calon hanya mengulas dua isi kedaulatan negara yang bergantung kepada warganya yang bersatu

Soalan 4 (a)

Dasar Pembangunan Nasional (DPN), menandakan bermulanya era baharu menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Sumber: www.pmo.gov.my

Nyatakan latar belakang Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Calon dikehendaki menyatakan latar belakang Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Latar belakang DPN ialah kesinambungan ~~DEB~~. Selain itu, DPN tempoh 10 tahun. ✓
Seterusnya, mengekalkan pembangunan ekonomi dan wilayah. ✓

Calon menyatakan fakta berkaitan latar belakang Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ialah negara
akan maju dan kadar kemiskinan kurang.

Calon hanya menyatakan **satu** fakta berkaitan latar belakang Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Soalan 4 (b)

Jelaskan strategi kerajaan bagi mencapai matlamat dasar tersebut.

Calon dikehendaki menjelaskan strategi kerajaan bagi mencapai matlamat DPN.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Strategi kerajaan bagi mencapai matlamat dasar tersebut dalam strategi ekonomi ialah menggunakan sains dan teknologi dan meningkatkan pemilikan saham bumiputera. Selain itu strategi sosial ialah mewujudkan masyarakat yang progresif dalam pendidikan mengadakan perubahan pelajaran. Seterusnya, pembasmian kemiskinan. Contohnya, membuka peluang pekerja kepada golongan miskin mendapat kerja. Di samping itu, enyesunan semula masyarakat bagi meningkat tenaga kerja bumiputera. Pada waktu yang sama, penyesunan modal saham untuk meningkatkan pemilikan saham bumiputera. Akhirnya, pembangunan wilayah. Contohnya, meningkatkan integrasi ekonomi.

Calon menjelaskan strategi kerajaan mencapai matlamat DPN dengan lengkap.


Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Strategi kerajaan bagi mencapai matlamat dasar tersebut ialah kerjasama menyusun semula masyarakat yang berada di bandar dan di luar bandar. Hal ini bagi menyeimbangkan penduduk di negara kita. Selain itu, membantu peluang pekerjaan untuk penduduk bumi putera atau di luar bandar. Hal ini bagi menjamin persamaan hak dalam masyarakat.

Calon hanya menjelaskan dua strategi kerajaan mencapai matlamat DPN.

Soalan 4 (c)

Graf menunjukkan kadar kemiskinan di Malaysia selepas pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).



Sumber: Jabatan Perangkaan Negara

Beri ulasan anda berdasarkan graf tersebut.

Calon dikehendaki mengulas berkaitan kadar kemiskinan di Malaysia selepas pelaksanaan DPN.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Graf tersebut menunjukkan kadar kemiskinan tegar semakin berkurang sebanyak 10% pada tahun 1990 hingga 2000 manakala pada tahun 2019 berkurang sehingga 15%. Hal ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional berjaya. Dengan ini menunjukkan kecekapan pemerintah dalam mengatasi isu tersebut.

Calon mengulas kadar kemiskinan di Malaysia selepas pelaksanaan DPN dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Selepas pelaksanaan dasar pembangunan Nasional kadar kemiskinan meningkat ekonomi negara terlalu tinggi. menyebabkan rakyat jatuh kemiskinan. Oleh itu, kerajaan perlu meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar atau di bandar merupakan juga. perlu membuat pemilihan modal Saham dan melahirkan tenaga kerja mahir seperti membina Sekolah Vokasional dan teknikal.

Calon hanya mengulas **dua** isi berkaitan kadar kemiskinan di Malaysia selepas pelaksanaan DPN.

2.2 CADANGAN/ SYOR BAHAGIAN A

2.2.1 Calon

- a) Menguasai semua tema dan tajuk yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran.
- b) Membaca bahan tambahan lain berkaitan topik buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- c) Membuat rujukan tambahan melalui kod QR dan info grafik serta latihan yang disediakan dalam buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- d) Mengukuhkan pengetahuan berkaitan isu semasa bagi menjawab soalan KBAT.
- e) Meningkatkan kemahiran menjawab dengan memperbanyak latihan.
- f) Meneliti dan memahami semua kata tugas dan kehendak soalan sebelum menjawab soalan yang dikemukakan.
- g) Menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab sesuatu soalan. Rangka jawapan membantu calon menguruskan masa dengan betul agar tidak berlaku pembaziran masa.
- h) Memahami dan meneliti maklumat yang terkandung dalam soalan yang merujuk kepada petikan atau grafik(stimulus)
- i) Merujuk koleksi Kupasan Mutu Jawapan (KMJ) untuk meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.
- j) Menguasai prinsip Kemahiran Pemikiran Sejarah(KPS).

2.2.2 Guru

- a) Menguasai kandungan dalam DSKP.
- b) Memastikan setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah KSSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 disampaikan dengan baik.
- c) Mendedahkan murid kepada teknik menjawab soalan yang betul dan tepat.
- d) Merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) terutamanya menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latih tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- e) Mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid dan tidak berpusatkan guru.
- f) Mengenal pasti kelemahan murid supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki lebih awal (intervensi).
- g) Mempelbagaikan sumber rujukan dan bahan pengajaran yang menarik dalam PdP.
- h) Menghasilkan pelbagai bentuk stimulus bagi persediaan menjawab soalan KBAT.
- i) Mencadangkan kepada murid untuk merujuk koleksi soalan SPM yang lepas dan KMJ agar murid dapat meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.

2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

2.4.1 Prestasi Keseluruhan

Secara keseluruhannya, calon dapat menjawab soalan bahagian B dengan baik kecuali Soalan 5(b), 7(b) dan 8(c). Calon dapat mengemukakan jawapan berdasarkan kehendak tugas dan memenuhi peruntukan markah. Soalan KBAT banyak membantu calon memperoleh markah. Namun, terdapat segelintir calon yang masih kurang menguasai fakta dan konsep sejarah dengan baik terutamanya di cerai (a) dan (b).

2.4.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat menyatakan fakta dengan tepat berserta huraian yang sesuai terutamanya bagi Soalan 6, Soalan 8 dan Soalan 9. Bagi soalan KBAT, calon dapat menguasai maklumat yang diberi dalam petikan. Penguasaan bahasa yang baik menjadikan jawapan yang diberi mempunyai huraian yang mendalam dan contoh yang relevan.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon dalam kumpulan ini tidak dapat mengemukakan jawapan yang mencukupi berdasarkan peruntukan markah. Terdapat juga calon yang mengemukakan fakta yang tidak berkaitan dengan tugas menyebabkan jawapan mereka tidak relevan. Sebilangan besar calon memberikan jawapan secara umum sahaja berdasarkan pengetahuan am.

2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

Soalan 5 (a)

Gerakan nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara Asia yang lain kerana langkah pemodenan yang dilaksanakan oleh Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn. Jelaskan maksud nasionalisme.

Calon dikehendaki menjelaskan maksud nasionalisme.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

5a) Maksud nasionalisme ialah perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara. Selain itu, nasionalisme bermaksud semangat kebangsaan yang menjelaskan sikap dan pendekatan berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan. Selanjutnya, nasionalisme juga bermaksud pemeliharaan terhadap bangsa dan negara. Di samping itu, nasionalisme juga bermaksud gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada campur tangan kuasa asing.

Calon dapat menjelaskan maksud nasionalisme dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

52a) Maksud nasionalisme ialah perasaan cinta akan negara dan bangsa yang mendalam. Kemudian, perasaan pembelaan yang tinggi kepada bangsa dan negara. Seterusnya, perasaan jihad yang tinggi terhadap bangsa dan negara. Selain itu, semangat berkorban demi negara yang tinggi.

Calon hanya menjelaskan **tiga** maksud berkaitan nasionalisme.

Soalan 5 (b)

Bagaimanakah langkah pemodenan Thailand dapat dicontohi oleh pemimpin negara kita dalam mempertahankan kedaulatan?

Calon dikehendaki menjelaskan langkah pemodenan Thailand yang dapat dicontohi oleh pemimpin negara kita dalam mempertahankan kedaulatan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(b) Langkah pemodenan Thailand dapat dicontohi oleh pemimpin negara kita ialah dengan ~~usaha~~ ^{seperti yang dilaksanakan oleh Raja Mongkut.} ~~usaha diplomasi.~~ Pemimpin negara perlu menjalin hubungan baik dengan kuasa barat - Sebagai contoh British. Selain itu, pemimpin negara perlu melaksanakan Birokrasi Barat. Seterusnya, pemimpin negara boleh membawa masuk penasihat barat untuk melatih pegawai tempatan. Sebagai contoh, pemimpin british boleh membawa masuk penasihat ketenteraan, dari Perancis. Selain itu, pemimpin negara kita boleh membawa masuk guru dari Barat. Terutamanya British. Hal ini untuk melaksanakan sistem pendidikan Barat. Kesannya, imej negara kita akan meningkat sebagai negara yang bersahabat dengan Barat. Perkara ini dapat dicontohi daripada usaha pemodenan oleh Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn. Hal ini sekaligus dapat mempertahankan kedaulatan negara.

Calon dapat menjelaskan langkah pemodenan Thailand yang dapat dicontohi oleh pemimpin negara kita dalam mempertahankan kedaulatan dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Pemimpin negara kita boleh mencontohi pemodenan yang dilakukan oleh pemimpin Thailand. Pemimpin kita boleh membawa penasihat dari barat seperti British untuk memajukan sektor pendidikan di negara kita. Selain itu, pemimpin negara kita juga boleh berbaik dengan semua pemimpin negara maju supaya mudah berkongsi ilmu dan pemodenan mereka.

Calon hanya **empat** langkah pemodenan Thailand yang dapat dicontohi oleh pemimpin negara kita dalam mempertahankan kedaulatan.

Soalan 5 (c)

Teliti poster berikut.



Sumber: <https://m-update.com>, 24 Jun 2019.

Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

Calon dikehendaki menghuraikan mesej yang terkandung dalam poster.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

5 (c) Mesej yang terkandung dalam poster tersebut ialah negara kita wujud dengan nilai dan budaya yang tersendiri. Selain itu, budaya luar tidak semestinya sesuai dengan budaya ketimuran kita. Di samping itu, kita sebagai rakyat perlu mengamalkan semangat cinta akan negara. Selanjutnya, kita perlu bersama-sama mempertahankan kemerdekaan Malaysia.

Rakyat Malaysia sepatutnya mengamalkan semangat patriotisme sejak kecil. Hal ini agar penting kerana rakyat akan sanggup berkorban untuk mempertahankan kemerdekaan Negara. Rakyat akan menentang penjajahan kuasa asing dengan keras. Contohnya, rakyat yang berpatriotisme akan menyertai pasukan tentera - kesannya, negara kita akan bebas daripada campur tangan kuasa asing.

Calon hanya menghuraikan mesej yang terkandung dalam poster dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

c) Negara Malaysia merupakan negara yang mempunyai nilai dan budaya sendiri. Malaysia juga dikenali sebagai negara yang berbilang kaum. Hal ini dapat dijadikan ~~menjadi~~ menjadi antara salah satu sebab negara kita dikenali. Walaubagaimanapun negara kita tetap mempunyai ^{budayanya} ~~adatnya~~ tersendiri yang semestinya tidak sesuai dengan negara luar.

Calon dapat mengemukakan empat mesej yang terkandung dalam poster.

Soalan 6 (a)

Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu berjaya memenangi 51 daripada 52 buah kerusi yang telah dipertandingkan dalam pilihan raya umum pertama.

Sumber: www.parlimen.gov.my

Jelaskan latar belakang pembentukan kabinet tersebut.

Calon dikehendaki menjelaskan latar belakang pembentukan kabinet pertama.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

6a. Latar belakang pembentukan kabinet pertama adalah selepas pilihan raya diadakan. Merupakan asas demokrasi dan hak rakyat memilih wakil untuk membentuk kerajaan. Selain itu, kabinet pertama dibentuk oleh 10 orang wakil menteri dan 3 orang wakil pegawai. Contohnya, Mahamad Tunku Abdul Rahman memegang jawatan ketua Menteri. Selain itu, H.S. Lee memegang jawatan pengerusi pengangkutan.

Calon menjelaskan latar belakang pembentukan kabinet pertama dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

6(a) a) Latar belakang pembentukan kabinet tersebut ialah diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Selain itu, Penyatuan beberapa kaum dalam satu pentadbiran. Sekiranya, Mengadakan pilihan raya untuk membentuk kabinet tersebut. Selain daripada itu, Pentadbiran dipilih oleh rakyat melalui tempilahan pilihan raya.

Calon hanya menjelaskan dua isi berkaitan latar belakang pembentukan kabinet pertama.

Soalan 6 (b)

Huraikan peranan kabinet tersebut.

Calon dikehendaki menghuraikan peranan kabinet pertama PTM.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(b) Peranan kabinet utama ialah untuk mengurangkan kuasa Veto pesuruhjaya pesuruhjaya tinggi british dalam pentadbiran. Selain itu, peranannya ialah untuk mengekalkan model peta pentadbiran yang diguna pakai oleh MPP iaitu model Westminster. Selain itu, peranannya ialah untuk membincangkan soal kewangan dan keperluan masyarakat tempatan tempatan dalam kemudahan dalam. Selain itu, peranannya ialah untuk mencapai kemerdekaan dengan melakukan persediaan untuk berkerajaan sendiri. Selain itu, Selain itu, peranannya ialah untuk membincangkan soal pertahanan dalam negeri. Selain itu, untuk penghapusan kuasa British dalam pentadbiran. Selain itu, untuk persediaan dekolonisasi. Selain itu, untuk melatih penduduk tempatan untuk berkerajaan sendiri. Selain itu, untuk menggantikan pegawai-pegawai British dalam pentadbiran.

Calon menghuraikan peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu (PTM) dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

6 (b) peranan kabinet ialah membincangkan soal keselamatan rakyat aman dalam sesebuah negara. Selain itu, menyambung modul Westminster iaitu sistem demokrasi parlimen - contohnya, mengadakan pilihan raya. Seterusnya, mengurangkan kuasa pentadbiran british untuk menuju negara bebas merdeka. Selain itu, mengurangkan kuasa veto. Akhir sekali, membincangkan soal kewangan untuk membangunkan pelbagai pembangunan.

Calon hanya menghuraikan enam peranan kabinet pertama PTM.

Soalan 6 (c)

Petikan berikut berkaitan dengan tanggungjawab rakyat dalam pilihan raya.

Tanggungjawab membentuk negara adalah kewajipan yang wajib dipikul bersama oleh semua warganegara yang dizahirkan dengan melunaskan tanggungjawab dalam pilihan raya. Oleh itu, hal ehwal berkaitan pembentukan dan pembangunan negara tidak boleh dipandang ringan atau dianggap remeh.

Menjadi kewajipan setiap anggota masyarakat untuk terlibat sama dalam merealisasikan sebuah negara yang aman makmur dan sejahtera. Namun, keadaan itu tidak dapat dinikmati tanpa peraturan dan undang-undang digubal pihak yang memerintah negara.

Sumber: Diubahsuai daripada www.hmetro.com.my/

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan yang diberikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

6c. Matlamat yang terkandung dalam peranan tersebut ialah tanggungjawab rakyat di penting dalam pilihan raya dan wajib dipikul oleh semua warganegaraan kerana merupakan asas demokrasi. Oleh itu, hal ehwal berkaitan pembentukan dan pembangunan negara perlu dipertingkatkan oleh semua pihak. Contohnya, pihak kerajaan boleh mengukuhkan perindustri dan perdagangan negara untuk memajukan pembangunan negara. Hal ini dapat meningkatkan ekonomi negara dan imej negara. Dengan melihat kerjasama antara kerajaan dengan negara luar, dapat menjalin hubungan yang baik dan membina kerjasama diplomatik. Selain itu, pilihan raya penting kepada negara kita kerana merupakan peluang rakyat memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan. Rakyat juga dapat menjamin hak kebebasan seperti kebebasan diri, kebebasan suara dan kebebasan agama. Sebaiknya, pihak kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang berkaitan pilihan raya supaya memberi kesedaran kepada rakyat.

Calon menjelaskan maklumat dalam petikan berserta huraian yang relevan dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(c) Maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut ialah tanggungjawab[✓] wajib dipikul bersama oleh semua warganegara yang dizahirkan dengan melunaskan bertanggungjawab pilihan raya[✓]. Selain itu, maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut ialah setiap anggota masyarakat untuk terlibat sama dalam merealisasikan[✓] sebuah negara aman yang aman makmur dan sejahtera. Seterusnya, maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut ialah bebas[✓] dari penjajahan agar negara politik[✓] stabil. Selain itu, maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut ialah dapat meningkatkan taraf hidup rakyat. Seterusnya, maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut ialah pentadbiran yang licin[✓].

Calon hanya menjelaskan **enam** maklumat termasuk huraian berdasarkan petikan.

Soalan 7 (a)

Pindaan Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah satu proses yang diatur oleh perlembagaan itu sendiri untuk memastikan bahawa sebarang perubahan yang dibuat ke atas perlembagaan dilakukan dengan cara yang sah dan tertib.

Sumber: www.mkn.gov.my/

Jelaskan pindaan Perlembagaan 1963.

Calon dikehendaki menjelaskan pindaan Perlembagaan 1963

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

" a.) Pindaan Perlembagaan 1963 ialah pindaan bagi Pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Antara perkara yang dipinda ialah Struktur Mahkamah Atasan Di Sabah dan Sarawak, wujudnya jawatan Ketua Hakim Borneo. Ketua Hakim Borneo mengendalikan kes mahkamah di Sarawak dan Sabah. Jawatan ini kemudiannya digantikan dengan ^{nama} Ketua Hakim Sabah dan Ketua Hakim Sarawak. Selain itu, hal berkaitan jawatan Yang di-Pertua Negeri juga dipinda. Wujudnya jawatan Yang di-Pertua Negeri di Sarawak dan Sabah. Yang di-Pertua Negeri ditunjuk oleh Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertua Negeri menggunakan hal berkaitan hak kepentingan kaum lain di Sarawak dan Sabah. Pindaan Perlembagaan 1963 wujud bagi membenarkan Sarawak dan Sabah Malaysia.

Calon menjelaskan pindaan Perlembagaan 1963 dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

7. (a) Pindaan Perlembagaan 1963 ialah struktur mahkamah atasan[✓] dapat diwujudkan. Selain itu, negara kita dapat pembentukan Malaysia[✓]. Seterusnya, pemisahan dengan hubungan luar. Akhir sekali, struktur mahkamah atasan membina[✓] diperkenalkan untuk memastikan memberi hukuman yang berat.

Calon hanya menjelaskan **dua** perkara dalam pindaan Perlembagaan 1963.

Soalan 7 (b)

Mengapakah pindaan perlembagaan perlu dilakukan?

Calon dikehendaki menjelaskan sebab pindaan perlembagaan perlu dilakukan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

b) Pindaan Perlembagaan penting perlu dilakukan kerana memenuhi keperluan semasa. Hal ini membenarkan sesuatu undang-undang dilaksanakan. Hal ini kerana, Perlembagaan Undang-undang telah asas^{pembentukan} Undang-undang di Malaysia. Selain itu, perlembagaan perlu dipinda bagi menangani sebarang permasalahan kepada mana-mana negeri dalam Malaysia untuk mengubati undang-undang atau melaksanakannya. Contohnya, Pindaan Perlembagaan 1965 yang melibatkan Singapura. Pindaan ini membolehkan Singapura keluar daripada Malaysia. Antara pindaan yang dilakukan ialah berkenaan imigrasi. Selanjutnya, Pindaan perlembagaan perlu dilakukan untuk meningkatkan keadaan kepada rakyat di sesebuah negeri. Contohnya, Pindaan Perlembagaan 1963 memberi ruang kepada negeri Sabah dan Sarawak mempunyai wakil dalam Majlis Raja-raja atau Yang di-Pertuan Negeri Sarawak dan Sabah. Pindaan yang dilakukan penting bagi mengatasi sebarang pertelingkahan antara negeri atau rakyat.

Calon menjelaskan sebab pindaan perlembagaan perlu dilakukan dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(b) Pindaan perlembagaan harus dilakukan kerana pembentukan ✓ Malaysia. Sarawak dan Sabah menyertai Tanah Melayu dalam satu unit pentadbiran iaitu Malaysia. Seterusnya, pemisahan ✓ Singapura yang dikenali sebagai Perlembagaan 1965. Segala pentadbiran seperti kewangan dengan Singapura dipinda apabila Singapura meninggalkan Malaysia. Selain itu, pindaan perlembagaan berlandaskan dengan Perlembagaan Persekutuan. Perkara yang dipinda harus mendapat persetujuan supaya tiada situasi huru-hara ✓ berlaku. Di samping itu, pindaan perlembagaan berlaku akibat ketidakseimbangan ✓ undang-undang antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Calon menjelaskan **empat** sebab pindaan perlembagaan perlu dilakukan.

Soalan 7 (c)

Teliti poster berikut.



Sumber: www.penerangan.gov.my

Beri ulasan anda.

Calon dikehendaki memberikan ulasan berdasarkan maklumat dalam petikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

c) Poster ini mengenali kedaulatan undang-undang. Ulasan saya yang pertama ialah prinsip kedaulatan Undang-undang merupakan elemen penting dalam negara kita. Hal ini dapat memastikan undang-undang lancar. Ulasan saya yang kedua ialah semua rakyat ialah bersama taraf kedaulatan undang-undang di undang-undang negara. Sebagai contoh, tidak boleh dikriminasi kaum dan gender mahupun kedudukan. Ulasan saya yang ketiga ialah kedaulatan undang-undang merupakan salah satu prinsip dalam Rukun Negara. Sebagai contoh, matlamat Rukun Negara ialah negara bersatu. Rakyat perlulah setia dan cinta negara. Ulasan saya yang keempat ialah kerajaan dan rakyat mestilah terikut undang-undang. Hal ini kerana menjaga keselamatan dan keamanan.

Calon memberikan ulasan berserta huraian berdasarkan maklumat dalam poster dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

7(c) Ulasan saya adalah rukun✓negara mesti dipatuhi. Selain itu, kedaulatan undang-undang penting kerana menjadi elemen✓agar prinsip undang-undang berjalan lancar. Seterusnya, prinsip kedaulatan undang-undang ialah bermaksud setiap rakyat adalah sama✓tarafnya di sisi undang-undang negara tanpa sebarang diskriminasi kaum, gender mahupun kedudukan iaitu status sosial. Di samping itu, rakyat mestilah wajib mematuhi✓dan mengikuti peraturan undang-undang yang ditetapkan. Hukuman yang setimpal✓boleh dikenakan kepada sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang.

Calon hanya memberikan ulasan tanpa mengaitkan kepada maklumat dalam petikan.

Soalan 8 (a)

Jelaskan konsep gagasan Malaysia.

Calon dikehendaki menjelaskan konsep gagasan Malaysia.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

a) Konsep gagasan malaysia ialah penggabungan beberapa bekas tanah jajahan british di Asia Tenggara. dilaksanakan dibawah satu pemerintahan dan raja. Hal ini bagi memudahkan pentadbiran british. Idea Lord Brassey mencadangkan penggabungan atas potensi ekonomi, manakala Sir Gerald Templer mencadangkan penggabungan atas tujuan keselamatan.

Calon menjelaskan konsep gagasan Malaysia dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

a) Konsep gagasan Malaysia adalah menyatukan negeri-negeri jajahan British. Seperti menggabungkan beberapa seperti sarawak, Sabah, Brunei, dan Singapura. Konsep gagasan Malaysia dilakukan untuk mengelompokkan pentadbiran.

Calon hanya dapat menjelaskan **tiga** konsep gagasan Malaysia.

Soalan 8 (b)

Huraikan usaha-usaha untuk menjayakan pembentukan Malaysia.

Calon dikehendaki menghuraikan usaha-usaha untuk menjayakan pembentukan Malaysia.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

8)(b) Usaha-usaha untuk menjayakan pembentukan Malaysia ialah mengadakan siri lawatan. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengadakan lawatan ke Sabah dan Sarawak untuk meninjau serta menerangkan pembentukan Malaysia kepada pemimpin tempatan. Pemimpin-pemimpin di Sabah dan Sarawak juga mengadakan lawatan ke Persekutuan Tanah Melayu untuk menemui dengan keadaan dan kemajuan Persekutuan Tanah Melayu. Selain itu, Jawatankuasa Sah Kaum Melayu (JSKM) ditubuhkan. Setenusnya, referendum Singapura diadakan. Referendum Singapura bertindak merfugut suara rakyat Singapura. Referendum tersebut memastikan rakyat Singapura bersetujui dan berela untuk menyertai pembentukan Malaysia. Di samping itu, rundingan London diadakan di London.

Calon menghuraikan usaha-usaha untuk menjayakan pembentukan Malaysia dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(b) Usaha-usaha dalam untuk menjayakan pembentukan Malaysia ialah penubuhan Jawatankuasa Setiakawan. Tujuannya untuk menghebahkan tentang penubuhan gagasan Malaysia kepada khususnya rakyat Sabah dan Sarawak. Usaha seterusnya, menubuhkan Suruhanjaya Cobbold yang ditugaskan untuk memantau penerimaan Gagasan Malaysia terhadap rakyat Sabah dan Sarawak. Mereka juga yang memberi cadangan tentang kuasa autonomi khusus kepada Sabah dan Sarawak.

Calon hanya menghuraikan **tiga** usaha untuk menjayakan pembentukan Malaysia.

Soalan 8 (c)

Teliti poster berikut.



Jelaskan harapan anda terhadap Malaysia pada masa hadapan berdasarkan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

Calon dikehendaki menjelaskan harapan terhadap Malaysia pada masa hadapan berdasarkan mesej yang terkandung dalam poster.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(c) Antara maklumat yang boleh dikupas melalui poster berikut ialah, kata-kata "Malaysia mengikut [✓]impian kita." Maklumat seterusnya pula, Malaysia makmur [✓]armoni, maju dan setanding dengan negara maju. Maklumat selain itu ialah, terdapat bangunan maju ciptaan Malaysia yang merupakan ^{antara} bangunan tertinggi di dunia, iaitu, menara Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Maklumat seterusnya ialah, terdapat pengangkutan udara [✓] yang maju pada masa hadapan seperti kereta udara [✓] dan kapal udara bertebangan di kawasan bandar. Harapan saya terhadap Malaysia pada masa hadapan ialah, dapat berdaya [✓]saing dengan negara dominasi maju ~~dan~~ dari segi ekonomi dan politik. ~~Selain itu,~~ Selain itu, ~~ia~~ dapat mencangkikan pengangkutan [✓] buatan negara hingga bersejuaian dengan pembangunan semasa. Seterusnya, dapat menambah infrastruktur [✓] yang lebih canggih untuk kegunaan awam. Dalam masa itu, ~~ia~~ dapat mewujudkan bangunan bersejara yang lebih moden untuk ~~menjadi~~ mencipta rekod di mata dunia. Selain itu, dapat mewujudkan suasana ~~yang~~ moden yang berpaksikan perkembangan teknologi [✓] maju. Selain itu, melahirkan rakyat yang lebih berkemahiran [✓] dan berpendidikan.

Calon menjelaskan dengan lengkap harapan terhadap Malaysia pada masa hadapan berdasarkan mesej yang terkandung dalam poster.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(C) harapan saya pada masa hadapan terhadap Malaysia ialah Malaysia makmur, harmoni, maju dan setanding dengan negara maju. Selain itu, Malaysia mengikuti impian terhadap seluruh Malaysia. Contoh, kereta elektrik, pengangkutan awam bersumberkan solar dan pengecasan. Seterusnya, Malaysia yang dan datang akan lebih maju. Selanjutnya, negara di Malaysia akan terlihat aman tanpa sebarang jenayah ataupun pebelodohan. di samping itu, Malaysia juga mengikhtivatkan cara yang lebih moden. Selain itu, negara Malaysia akan mempunyai tapak ikhtisas yang makin moden dan canggih. contohnya, seperti kereta solar, kenderaan tanpa solar dan sebagai nya. akhir sekali kehidupan Malaysia pada masa hadapan akan lebih harmoni

Calon hanya menjelaskan enam harapan terhadap Malaysia pada masa hadapan berdasarkan mesej yang terkandung dalam poster.

Soalan 9 (a)

Jelaskan latar belakang penubuhan ASEAN.

Calon dikehendaki menjelaskan latar belakang penubuhan ASEAN.

9. (a) Latar belakang penubuhan Asean bermula dengan penubuhan ASA. Penubuhan ASA ialah untuk memerangi ancaman komunis. Seterusnya ialah penubuhan ~~MAPHILINDO~~ MAPHILINDO, MAPHILINDO berperanan untuk menyelesaikan masalah pembentukan Malaysia. ~~MAPHILINDO~~ MAPHILINDO terdiri daripada Malaysia, Philipina dan Indonesia. Akhirnya ialah penubuhan ~~ASA~~ ASEAN. ~~ASEAN~~ Kini, ASEAN mempunyai ahli sebanyak 10 buah negara.

Calon menjelaskan latar belakang penubuhan ASEAN dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(a) ASEAN ditubuhkan untuk menyantuni negara-negara Asia. Selain itu, ianya bagi memastikan keharmonian negara-negara Asia serantau dapat dipelihara bersama. Selain itu, Asa mengatamokan kita ASEAN mengutamakan negara negara asia didalam hubungan integasi nasional dan ekonomi serantau.

Calon hanya menjelaskan **dua** latar belakang penubuhan ASEAN.

Soalan 9 (b) (i)

Terangkan pelibatan Malaysia bersama ASEAN dalam hal berikut:

Penyelesaian politik serantau

Calon dikehendaki menerangkan pelibatan Malaysia bersama ASEAN dalam hal penyelesaian politik serantau.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

b).i) Pelibatan Malaysia dalam ASEAN bagi melaksanakan politik serantau ialah menyuarakan tentang isu penggunaan dadah. Malaysia turut mendapat pertolongan polis Antarabangsa bagi membina penggunaan dadah setruanya, tentang isu pertindihan sempadan iaitu/pulau ligitan dan Sipadan antara Indonesia dan Malaysia manakala /pulau batu putih antara Malaysia dan Singapura. Mahkamah Antarabangsa memutuskan keputusan tersebut. Di samping itu, isu permerdagangan orang ini merupakan jenayah terancang, dan menuntut tindakan keras kepada pelakunya.

Calon menerangkan pelibatan Malaysia bersama ASEAN dalam hal penyelesaian politik serantau dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

9-b) i) Pelibatan Malaysia dalam bersama ASEAN dalam penyelesaian konflik serantau ialah penguwalan komunis di Indo-China menyebabkan banjir penderatang asing di negara lain-Malaysia membantu dalam konflik antara vietnam dan kemboja berkenaan isu kemiskinan.

Calon hanya menerangkan dua pelibatan Malaysia bersama ASEAN dalam hal penyelesaian politik serantau.

Soalan 9 (b) (ii)

Kerjasama ekonomi

Calon dikehendaki menerangkan pelibatan Malaysia bersama ASEAN dalam hal kerjasama ekonomi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Calon dapat menerangkan pelibatan Malaysia bersama ASEAN dalam hal kerjasama ekonomi.

9.b)iii) Pelibatan Malaysia dalam bersama ASEAN dalam kerjasama ekonomi ialah terdapat AFTA. Malaysia menjalinkan hubungan perdagangan dengan negara ASEAN - Kesan-nya ialah tarif cukai yang dikenakan rendah - selain itu, baja Indonesia. Seterusnya, baja fosfat dan kuprum Filipina. Selain itu, Serbuk soda dan pada Thailand - Terdapat perubahan perjanjian segitiga ekonomi antara Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Calon menerangkan pelibatan Malaysia bersama ASEAN dalam hal kerjasama ekonomi dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

ii) Kerjasama ekonomi bagi ASEAN pula ialah ~~plang melakukan~~ mengintai AFTA. Malaysia terlibat sepenuhnya dalam AFTA yang bertanggungjawab menentukan cukai berangan. Seterusnya, saringan negara maju. Malaysia menuntut hak sama rata difujutan kepada negara-negara yang maju. Selain itu, Malaysia juga membangkitkan isu tersebut di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa bersatu.

Calon hanya menerangkan dua pelibatan Malaysia bersama ASEAN dalam hal kerjasama ekonomi.

Soalan 9 (c)

Maklumat berikut berkaitan cabaran yang dihadapi pertubuhan ASEAN pada masa kini.



Sumber: Diubahsuai daripada www.x.com/markasATM

Berikan ulasan anda.

Calon dikehendaki memberikan ulasan berkaitan cabaran yang dihadapi pertubuhan ASEAN masa kini.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(a) Ulasan saya mengenai ~~post~~ poster tersebut ialah begitulah mencabar cabaran yang sedang dihadapi oleh ASEAN pada masa kini. Antaranya, isu pencemaran udara seperti jerebu yang selalunya berpunca dari negara sebelah mencuba masuk merentas sempadan negara. Oleh itu, ia telah menjejaskan kedua-dua negara. Oleh hal demikian, ASEAN mengambil keputusan dan perij memntkrai perjanjian menyendi per isu pencemaran jerebu merentas sempadan ini. Selain itu, kita juga diperdengarkan dengan pelbagai isu jenayah & merentas sempadan misalnya jenayah penyeludupan yang berleluasa. Perkara ini kramatlah ~~semasa~~ membimbangkan bukan semasa dunia dan negara menghadapi pandemik COVID-19, perkara ini masih lagi berleluasa. Perkara ini ~~semangat~~ semangnya menjadi sebuah cabaran besar untuk pihak ASEAN mengambil tindakan serojaya.

Calon memberi ulasan berkaitan cabaran yang dihadapi pertubuhan ASEAN pada masa kini dengan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(c) Cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan ASEAN pada masa ini ialah cabaran menangani jerebu rentas sempadan. Untuk menangani masalah ini, Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu rentas sempadan telah diperluaskan. Hal ini dilakukan untuk mengurangkan masalah pencemaran jerebu yang berlaku di negara-negara ASEAN bersama-sama. Selain itu, jenayah rentas sempadan serta aktiviti penyeludupan tidak pernah berhenti walaupun negara dan dunia ini menghadapi pandemik covid-19.

Calon hanya memberi empat ulasan berkaitan cabaran yang dihadapi pertubuhan ASEAN masa kini.

2.6 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B

2.6.1 Calon

- a) Menjawab soalan yang boleh menjamin pemerolehan markah yang maksimum.
- b) Menulis jawapan dalam bentuk perenggan dan dengan ayat yang lengkap serta gramatis.
- c) Menggunakan laras bahasa yang mudah difahami.
- d) Setiap isi perlu dihuraikan dengan lengkap berserta contoh-contoh yang sesuai.
- e) Memastikan tulisan mudah dibaca oleh pemeriksa bagi membolehkan pemeriksa mengenal pasti fakta, huraian, contoh dan bukti yang dikemukakan.
- f) Memahirkan diri menguasai pelbagai bentuk soalan KBAT berstimulus sebagai persediaan menjawab soalan KBAT bagi memperoleh markah maksimum.
- g) Menguasai isu semasa bagi memudahkan idea yang bernas dikeluarkan untuk menjawab soalan KBAT.
- h) Merujuk koleksi Kupasan Mutu Jawapan (KMJ) untuk meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.
- i) Memastikan setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah KSSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dikuasai dengan baik.

2.6.2 Guru

- a) Menguasai kandungan dalam DSKP.
- b) Memastikan setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah KSSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 disampaikan dengan baik.
- c) Mendedahkan cara menjawab soalan dengan teknik yang betul dan tepat.
- d) Melatih murid menulis jawapan dalam bentuk esei dengan menggunakan struktur ayat yang lengkap dari peringkat menengah rendah.
- e) Merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) terutamanya menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latih tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- f) Mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid.
- g) Mengenal pasti kelemahan murid supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki lebih awal.
- h) Mempelbagaikan sumber rujukan dan bahan pengajaran yang menarik dalam PdP.
- i) Menghasilkan pelbagai bentuk stimulus bagi persediaan menjawab soalan KBAT.
- j) Mencadangkan kepada murid untuk merujuk koleksi soalan SPM yang lepas dan KMJ agar murid dapat meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.
- k) Sentiasa mengingatkan murid agar memastikan tulisan mereka mudah dibaca dan difahami pemeriksa.
- l) Menyediakan pelbagai bentuk set soalan yang memenuhi standard peperiksaan sebagai latihan.

PENGHARGAAN

PENGERUSI

TUAN AB AZIZ BIN MAMAT K.M.W.

URUS SETIA

PUAN ROSLIZA BINTI MOHD ROSLI

DR. JAIN BIN CHEE

PUAN HALILAH BINTI HAMIDUN

PUAN ZALIHA BINTI MOHAMAD

ENCIK RAFIZRIN BIN RAFLI

PUAN ARIE SAKINAH BINTI ABDUSSYUKUR

EDITOR

PUAN NORAZAH BINTI BIDI

PUAN IYLIA NATASYA BINTI ANUAR

CIK NURUL ATIQA BINTI OMAR

PUAN NUR AIN BINTI MOHD NIZAM

CIK SITI FADZILAH BINTI ABU BAKAR

PUAN JALILAH BINTI SHAIK ABDULLAH

CIK NURUL IZZAH BINTI MOHD SIROJ

PUAN NORHATINI BINTI SHAARI

PUAN TAN SHAN XI

PUAN HOO LEE CHUN

PANEL PENULIS

KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1

KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2

KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2

KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2

KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2

KP & KPB KIMIA SPM KERTAS 2

KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 1

KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 2



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
BLOK E11, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA, MALAYSIA
+603-88843785/3787
khidmatbantu.lp@moe.gov.my**